

hmetro (p/6) 11.8.22

Ganjaran hantar barang kitar semula

Kuala Lumpur: Penduduk sekitar Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara berpeluang menikmati ganjaran berbentuk barangan keperluan asas dengan menghantar barang kitar semula di kios iKominuti iKitar Semula (iC1R).

Antara barang kitar semula yang boleh dibawa ke kios iC1R yang beroperasi dua kali seminggu mengikut jadual yang telah ditetapkan itu ialah tin aluminium, kertas, plastik dan minyak masak terpakai.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, kemudahan

kios statik iC1R yang kini diwujudkan di PPR Seri Alam di Pudu, PPR Beringin di Jinjang dan PA Seri Kota di Bandar Tun Razak bagi membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan penduduk setempat, selain mengurangkan penjejakan sisa pepejal di kawasan kepadatan tinggi.

Beliau berkata, penduduk setempat boleh mendapatkan ganjaran barangan keperluan asas seperti susu pekat, gula, tepung gandum dan minyak masak dengan mengumpul serta menukar mata ganjaran bagi setiap barang kitar semula yang dibawa ke kios berkenaan.

- Bernama